

## Modus Operandi Gerakan Liberalisme di Malaysia

### *The Modus Operandi of Liberalism Movement in Malaysia*

Norsaleha Mohd Salleh<sup>①</sup>, Noor Hafizah Mohd. Haridi<sup>1</sup>, Ahmad Munawar Ismail<sup>2</sup>  
& Mohd. Shairawi Mohd. Noor<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

(<sup>①</sup>Corresponding author: [norsaleha@kuis.edu.my](mailto:norsaleha@kuis.edu.my))

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>3</sup>Bahagian Sumber Maklumat, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya

#### ABSTRAK

Liberalisasi adalah proses tersusun dalam mempromosi dan menerapkan bentuk-bentuk pemikiran bebas dalam minda masyarakat khususnya umat Islam. Matlamat asasnya adalah untuk membebaskan pemikiran umat Islam daripada pandangan-pandangan *turath* yang dianggap tidak munasabah dan menyekat kemajuan. Kepercayaan daripada matlamat ini jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip asas Ahli Sunah Waljamaah yang menuntut umat Islam berpegang teguh kepada al-Quran dan hadis serta pandangan-pandangan mujtahid daripada pelbagai bidang dan sudut. Tulisan ini bertujuan mengenal pasti modus operandi penyebaran pemikiran liberal dalam masyarakat Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisa kandungan dan temu bual separa berstruktur bersama lima orang belia yang menyokong idealisme liberal dan agenda liberalisme kepada masyarakat Islam di Malaysia. Dapatan temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisa perkataan dan *thematic*. Hasil dapatan kajian menunjukkan gerakan liberalisme di Malaysia mempunyai kerangka modus operandi yang tersusun dalam menyebarkan fahaman tersebut kepada masyarakat di Malaysia. Mereka menggunakan sembilan (9) kerangka modus operandi iaitu persepsi, prinsip, motif, skala, propaganda, perkaderan, proksi, lingkaran sosial dan indoktrinasi. Dapatan ini mendedahkan tentang modus operandi gerak kerja liberalisme dalam mempengaruhi pemikiran masyarakat Islam dan menjauhkan masyarakat daripada peraturan hidup Islam yang sebenar. Namun begitu, kekuatan Islam yang terkandung dalamnya akidah, syariah dan akhlak dapat menjadi perisai utama dalam mendepani pelbagai ancaman pemikiran khususnya ancaman liberalisme di Malaysia.

#### KATA KUNCI

liberal,  
liberalisme,  
pemikiran Islam,  
Ahli Sunah  
Waljamaah,  
Islam

**ABSTRACT**

*Liberalization is a structured process in promoting and implementing forms of free-thinking in the minds of the people, especially Muslims. Its basic purpose is to free the minds of Muslims from the views of turath which are considered unreasonable and to hinder progress. Beliefs of this aim are clearly at odds with the fundamental principles of the Sunnis who require Muslims to adhere to the Qur'an and the hadith as well as the views of the mujtahid from various fields and angles. This paper aims to identify the modus operandi of disseminating liberal thought in the Muslim community in Malaysia. This study uses a qualitative approach that involves content analysis and semi-structured interviews with five youths who support liberal idealism and the liberalism agenda for the Muslim community in Malaysia. Interviews were analyzed using word and thematic analysis methods. The findings of the study show that the liberalism movement in Malaysia has a modus operandi framework in place to disseminate that understanding to the Malaysian public. They use nine (9) modus operandi frameworks namely perception, principle, motive, scale, propaganda, proportion, proxy, social circle, and indoctrination. This finding reveals the modus operandi of liberalism's work in influencing the thinking of the Muslim community and keeping society out of the true rules of Islamic life. Nonetheless, the Islamic power contained in the creed, sharia and morals can be a key shield in dealing with various threats of thinking especially the threat of liberalism in Malaysia.*

**KEYWORD**

*liberal, liberalism, Islamic thought, Ahlus Sunnah wal Jamaah, Islam*

**1.0 Pengenalan**

Pemikiran liberal merujuk kepada pemikiran yang cuba mencairkan identiti Islam dengan mencampur adukkan corak pemikiran mengikut kerangka Barat sebagai asas pemikiran. Golongan yang mempromosi pemikiran ini berusaha mentafsir semula Islam sesuai dengan kerangka pemikiran rasional dan logik tanpa mengambil kira keterangan wahyu dan tuntutan hadis Rasulullah SAW. Tafsiran semula Islam dibuat mengikut kerangka Barat yang mengagungkan hak asasi manusia sebagai paksi utama segala tindakan dan keputusan. Pemikiran ini secara langsung cenderung kepada bentuk-bentuk pemikiran yang dipromosikan oleh Barat pada sekitar zaman revolusi Perancis dan *Renaissance*.

Konsep liberalisme merupakan format pemikiran yang mencakupi segenap aspek kehidupan manusia termasuk pendidikan, agama, sosial dan sebagainya. Ia berpegang kepada konsep rasional, keterbukaan dan kebebasan intelektual (Wan Adli Wan Ramli, 2012). Mereka mengutamakan hak-hak asasi manusia sebagai ukuran dan orientasi, seterusnya akan menolak segala penafsiran daripada agama sekiranya ia bertentangan dengan pemikiran mereka (Lukman Hakim & Mohd Nasir Omar, 2011). Kumpulan ini juga berpegang kepada penemuan saintifik sehingga mencetuskan konflik besar dengan cubaan untuk mentransformasikan agama yang berorientasikan kebebasan hak individu manusia (Lukman Hakim & Mohd Nasir Omar, 2011). Fahaman ini terus berkembang dan mempengaruhi sebahagian dunia Islam kerana merasakan manusia kini juga perlu bebas daripada ikatan hukum-hakam yang difikirkan sebagai ketinggalan zaman. Malah menurut Indriaty Ismail & Ahmad Mahyuddin Hassan (2011), bagi ideologi ini, berpegang teguh kepada pandangan tradisi Islam sudah tidak lagi relevan lagi dalam konteks kehidupan dunia semasa. Ia hanya menyebabkan umat Islam ketinggalan dalam semua sektor kemajuan (pada ukuran mereka). Bagi mereka agama hanya budaya yang boleh diketepikan sekiranya ia tidak menepati apa yang dikehendaki.

## 2.0 Gerakan Liberalisme di Malaysia

Liberalisme di Malaysia dikaitkan dengan nilai dan budaya Islam seperti menerima modenisasi Barat sepenuhnya dan mencari nilai tempatan yang tidak bertentangan dengan institusi moden, menggubal semula warisan Islam sesuai dengan cabaran politik, sains dan budaya Barat, menstruktur Islam baru dengan mengliberalkan warisan lama mengikut pengalaman model Barat dalam konteks sosial dan politik, kritikan terhadap kemunduran tradisi Islam yang menghalangi dunia Islam untuk menikmati modenisasi seperti kemajuan ekonomi, demokrasi, hak-hak hukum, dan sebagainya.

Gerakan liberalisme di Malaysia bermula hasil daripada hubungan dan perancangan antarabangsa, polisi penguasa tempatan dan sikap masyarakat Islam. Menurut Mohd Fauzi (2018) gerakan ini terbahagi kepada empat fasa. Fasa pertama bermula sewaktu era penjajahan British di Malaysia. British bukan sahaja datang ke Tanah Melayu untuk menjajah dan mengaut kekayaan negara tetapi juga menghantar orientalis Barat untuk mengkaji dan menyelidik kekuatan dan kelemahan orang Melayu ketika itu (Ahmad Sanusi dan Norsaleha, 2018). Sarjana Barat yang awal menulis tentang Melayu dan masyarakat Melayu Islam seperti Lord Reid (1912), E. G. De Eredia (1930), T.S. Raffles (1930), W. L. Richmond (1928), F. Swettenham (1895), R. O. Winstedt (1934), R. Wheeler dan W. W. Skeat (1967).

Mereka menggambarkan orang Melayu Islam satu masyarakat yang pemalas, suka berpoya-poya, keras kepala, tidak boleh diharap dan suka berhutang. Mereka membina persepsi British sebagai penyelamat orang Melayu dan memperkenalkan sistem pendidikan yang berupaya memupuk budaya yang baik dalam kalangan golongan feodal Melayu. Hasil kajian W. W. Skeat (1967) di Tanah Melayu ketika itu, British telah memperkukuhkan kelas feodal Melayu yang dilatih untuk menjadi golongan yang berwajah Melayu tetapi roh dalamannya adalah bersifat British (Rahimin et al., 2010).

Fasa kedua adalah ketika Malaysia mendapat kemerdekaan daripada penjajah British pada 31 Ogos 1957. Walaupun penjajah British telah meninggalkan Tanah Melayu daripada aspek pemerintahan dan pentadbiran negara, mereka telah menyediakan kelompok anak tempatan yang mempunyai jiwa British dan berfikiran Barat. Sebahagian daripada kelompok ini telah dilantik menjadi pemerintah yang mengekalkan dasar dan polisi British (Rahimin et al., 2010). Walaupun pemerintah berusaha melaksanakan sekularisme dalam pemerintahan dan pendidikan negara, roh dan semangat Islam dalam jiwa masyarakat Melayu mendorong kerajaan melaksanakan Islamisasi dalam pentadbiran dan sistem pendidikan negara.

Fasa ketiga melibatkan tahun 80an dan 90an. Pada fasa ini berlaku peralihan dominasi daripada kerajaan yang berjiwa British dan melaksanakan sekularisme dalam pentadbiran dan pendidikan negara kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Muncul NGO yang membawa pemikiran liberal dan berusaha mempengaruhi rakyat terutamanya golongan anak muda di universiti. Antara NGO liberal yang muncul pada era 80an dan 90an ialah gerakan anti hadis, Jamaah al-Quran Malaysia dan Sister in Islam (SIS). Kumpulan ini bergerak aktif memberikan pengaruh kepada rakyat dan pemerintah negara termasuk juga menteri-menteri wanita ketika itu. Pada waktu yang sama politik negara menunjukkan pertembungan antara dua kuasa Melayu Islam iaitu kerajaan dan pembangkang. Umpamanya, kerajaan melaksanakan dasar Islamisasi untuk memenangi hati rakyat, manakala pembangkang pula melaungkan dasar negara Islam sebagai alternatif untuk rakyat. Pada era ini gerakan liberalisme belum lagi muncul secara berani dan terang-terangan kepada rakyat. Mereka lebih banyak bergerak dalam kelompok dan kumpulan yang menyokong sahaja. Krisis negara yang berlaku pada tahun 1998, membangkitkan gerakan reformasi yang memberi ruang kepada agenda liberal untuk menyelinap masuk melalui idea perubahan dan reformasi yang berteraskan kuasa rakyat.

Fasa keempat melibatkan tahun 2007 sehingga sekarang tahun 2019. Pada tahun 2007, *Rand Corporation (Centre for Middle East Public Policy)* telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk *Building Muslim Moderate Network* yang ditulis oleh Angle Rabasa, Cherry Bernard, Lowell H. Schwartz dan Peter Sickle. *RAND Corporation* merupakan Pusat Penelitian dan Kajian Strategik tentang Islam di Timur Tengah atas biaya Smith Richardson Foundation yang berpusat di Santa Monica-California dan Arlington-Virginia, Amerika Syarikat (AS). Penulisan buku *Building Moderate Muslim Network* ini bertujuan membangunkan jaringan muslim moderat yang menjadi tujuan utama perisikan Amerika Syarikat adalah memecah belah umat Islam. Isi dokumen ini mengandungi langkah-langkah membangun Jaringan Muslim Moderat pro-Barat di seluruh dunia.

Menurut Angel Rabasa et al. (2007), Amerika Syarikat memainkan peranan utama bagi melahirkan golongan muslim moderat. Apa yang diperlukan pada tahap ini adalah untuk mengambil pelajaran daripada pengalaman Perang Dingin, menentukan penyerapan mereka ke dalam dunia Islam dan mengembangkan sebuah *road map* untuk pembangunan Muslim moderat dan jaringan muslim liberal. Mereka mendokong muslim moderat dan liberal di Asia Tenggara menggunakan media untuk merespon dengan cepat dan efektif kefahaman radikalisme ke dalam masyarakat. Mereka menciptakan program radio muslim liberal dengan topik agama dan toleransi yang menjadi acara *talk show* paling popular di Indonesia. Transkripsi daripada acara ini sudah diterbitkan di Jawa Pos dan membuat hebahan dalam 70 jenis surat khabar di Indonesia (Ardyansyah Nugraha, 2015).

Pada tahun 2008, pilihan raya umum ke-12 (PRU 12) telah menunjukkan pertembungan politik yang tidak memihak kepada Islam. Kerajaan yang memenangi pilihan raya umum ketika itu memperkenalkan dasar 1 Malaysia menggantikan Islam Hadhari. Manakala pembangkang pula melaungkan slogan Negara Berkeadilan menggantikan konsep negara Islam. Pada masa ini kumpulan liberal mula mengambil peluang menyebarkan pemikiran mereka melalui media sosial. Pada tahun 2009, kumpulan liberal ini menubuhkan Islamic Renaissance Front (IRF) sebagai asas untuk meneruskan agenda muslim moderate yang dikehendaki oleh Barat.

Menurut Ahmad Fauzi Asmuni (2018), kesan Arab Spring yang berlaku di Timur Tengah membawa perubahan cara fikir gerakan Islam di Asia Barat. Mereka telah mula menerima demokrasi secara mutlak dan ini mengesani gerakan Islam Malaysia. Asakan normalisasi melahirkan kumpulan liberal yang lantang bersuara menuntut kebebasan beragama sehingga muncul gabungan NGO (*Coalition of Malaysian NGOs in UPR Process*) yang memperjuangkan kebebasan untuk murtad, kebebasan melakukan LGBT, menghapuskan hukum jenayah syariah, meminda undang-undang keluarga Islam, mempertikaikan keistimewaan hak orang Melayu dan Bumiputera serta membenarkan dakwah kristianisasi dan syiah. Begitu juga isu kalimah Allah, pegang anjing, hukum hudud, makan dalam khalayak ramai pada bulan Ramadhan, aurat wanita Islam menjadi perdebatan antara kumpulan liberal dan orang Islam di media sosial.

### 3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisa kandungan terhadap manuskrip, maklumat dan informasi berkaitan liberalisme dalam semua media termasuk media sosial dan temu bual bersama lima (5) orang informan dalam kalangan belia berisiko. Mereka yang dikenali sebagai berisiko ini dikenal pasti melalui proses pemerhatian selama sebulan dalam media sosial. Seramai 11 orang belia dikenal pasti sebagai berisiko mendokong pemikiran liberal. Namun begitu hanya lima (5) orang sahaja belia yang sedia untuk ditemu bual berkaitan gerakan liberalisme. Proses temu bual berlangsung selepas mendapat persetujuan daripada semua informan. Semua perbincangan dalam temu bual ditranskripsikan, ditentukan tema-tema yang berkaitan dengan kajian dan dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti.

## 4.0 Dapatan Kajian

Kajian menunjukkan pemikiran liberal di Malaysia merupakan satu gerakan yang mempunyai kerangka modus operandi yang tersusun dalam menyebarkan fahaman tersebut kepada masyarakat di Malaysia. Modus operandi mereka terbahagi kepada sembilan (9) kerangka, iaitu persepsi, prinsip, motif, skala, propaganda, perkaderan, proksi, lingkaran sosial dan indoktrinasi.

### 4.1 Membina Persepsi Positif tentang Barat

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan mereka cuba membina persepsi yang positif tentang Barat dan negatif tentang Islam. Mereka menggambarkan ideologi Barat memberi kebaikan kepada Islam, kepakaran falsafah Barat tiada di Malaysia, idea Sultan sebagai ketua agama di Malaysia adalah idea British, Barat membawa dasar kebaikan dan memajukan tanah air, pemikiran Barat mempunyai karya-karya berkualiti yang perlu dirujuk dan dicontohi oleh masyarakat Malaysia. Mereka juga menggambarkan pemikiran Islam sebagai sempit, mundur, taqlid dan menyekat pemikiran yang lain daripada Islam. Malah mereka menegaskan Islam mesti membebaskan diri daripada gerakan Islam dan mengangkat wacana yang dibawa oleh IRF sebagai wacana pemikiran Islam yang sebenar.

Kumpulan ini juga membina persepsi yang negatif terhadap institusi agama Islam di Malaysia dengan dakwaan institusi agama menyempitkan Islam kepada satu versi sahaja, tidak tahu hal ehwal semasa, menjadi medan percaturan politik, *playsafe*, berlaku zalim terhadap LGBT, menyekat kebebasan berhujah dan kebebasan individu. Kumpulan ini menolak urusan agama dikawal selia oleh institusi agama kerana dibimbangi orang Islam akan menerima nasib yang sama seperti penganut Kristian yang dikawal selia oleh gereja. Mereka berpendapat penubuhan jabatan agama sebenarnya lahir daripada konsep dan idea Barat yang menyamakan institusi agama dengan hukum Tuhan. Malah mereka berpandangan hukum syariah tidak boleh dijadikan undang-undang di Malaysia kerana hukum syariah tidak boleh diguna pakai oleh penganut agama lain.

Mereka juga menimbulkan persepsi yang negatif terhadap pendidikan Islam dengan mendakwa sistem pendidikan Islam di Malaysia tertutup, membantutkan pemikiran, menyempitkan kebebasan berfikir, mengongkong pemikiran kritis dan mengajar nilai-nilai terrorisme, politik sempit serta menghasut murid agar membenci ulama yang membawa pembaharuan. Mereka menggalakkan pendidikan seks di sekolah dengan dakwaan pendidikan seks perlu untuk kanak-kanak bijak buat pilihan.

Mereka juga meletakkan persepsi negatif terhadap politik dan pemerintahan Islam dengan menyamakan zaman gelap dengan pemerintahan Islam, politik Islam mengkafirkan masyarakat, ceramah politik Islam adalah retorik semata-mata, wacana politik Islam tidak komprehensif, parti politik memanipulasi ahli yang taqlid dan parti politik Islam tidak menjalankan tugas-tugas dakwah kepada masyarakat. Malah tindakan menolak amalan LGBT itu sebenarnya sama dengan tindakan gereja pada zaman gelap dahulu. Golongan LGBT dianggap sebagai golongan yang teraniaya kerana mereka tidak semestinya membuat seks songsang.

Kumpulan ini memberikan gambaran yang negatif terhadap amalan keagamaan dan budaya setempat yang dilihat mengikat gerak-geri masyarakat. Oleh sebab itu mereka menolak hijab dan tudung kerana perbuatan itu mengikat hak kebebasan individu. Mereka berpendapat pemakaian tudung tidak boleh paksa kerana itu adalah hak peribadi bukan undang-undang. Malah pemakaian menutup aurat boleh mendiskriminasikan *non muslim*. Tindakan ulama yang menggesa pemakaian tudung adalah satu penindasan kepada masyarakat. Malah ulama tidak memberi sumbangan dalam kebangkitan Islam. Majlis Qasidah yang diadakan sebenarnya satu perbuatan menunggang agama untuk meraih keuntungan.

#### *4.2 Berpegang Teguh kepada Prinsip Liberalisme*

Kajian juga menunjukkan kumpulan ini berpegang kepada prinsip sekularisme, liberalisme, pluralisme, kesamarataan, hak asasi manusia, orientalisme, menerima amalan LGBT, menerima politik Barat, menerima muktazilah dan menolak syariat. Dalam isu Kalimah Allah, kumpulan ini menegaskan penggunaan kalimah Allah untuk semua agama. Mereka percaya dunia mesti dipisahkan daripada ikatan agama. Malah sekularismelah yang menjaga agama daripada dipermainkan oleh manusia. Kumpulan ini menegaskan Malaysia adalah negara sekular dan orang Islam mesti belajar dengan sekularisme untuk menjadi maju. Mereka memuji liberalisme kerana kebebasan dalam liberalisme tidak memaksa orang lain, malah liberalisme lebih sejahtera daripada tradisi ilmu. Menurut mereka liberalisme Barat berubah mengikut zaman. Sesiapa yang menolak pluralisme agama adalah ekstremis. Agama yang selain Islam tidak batil kerana kebenaran adalah relatif terhadap tuhan. Orang Islam hendaklah menyantuni semua agama dan menerima kesamaan antara agama. Begitu juga kewujudan golongan LGBT hendaklah dihormati dan diiktiraf. Penerimaan terhadap golongan LGBT sebagai nilai kemanusiaan yang berasaskan kesamarataan. Semua bangsa adalah bersaudara dan hak asasi selari dengan orang Melayu. Orang Islam perlu menerima orientalis untuk kemajuan Islam.

#### *4.3 Bermotif Burukkan Syiar Islam*

Kajian juga menunjukkan gerakan liberalisme ini mempunyai motif untuk memberikan gambaran buruk terhadap syiar Islam. Perkara ini dapat dilihat daripada perasaan fobia mereka terhadap perkembangan Islam dan kekuatan suara Islam yang mendominasi suasana politik negara serta disiplin amal Islami dalam gerakan Islam. Mereka mempunyai perasaan bimbang terhadap kedudukan istimewa institusi Islam di Malaysia kerana takut sejarah yang mencatatkan cengkaman gereja ke atas orang-orang Kristian di Barat berulang kepada masyarakat Islam. Ketakutan mereka itu dikuatkan lagi dengan penegasan daripada penceramah-penceramah agama di Malaysia yang menggunakan alasan sunnah untuk mengharuskan poligami. Malah ada sebilangan peniaga yang menggunakan alasan sunnah untuk melariskan hasil jualan mereka. Mereka juga membuat tafsiran secara hermeneutika terhadap ayat al-Quran, Surah al-Baqarah ayat 256 yang bermaksud "tiada paksaan dalam beragama". Refleksi daripada kefahaman yang salah terhadap maksud ayat tersebut, mereka menanggalkan tudung dan mendakwa menolak kebenaran yang dibawa oleh Islam itu satu keberanian.

#### *4.4 Skala Pemikiran Liberal*

Gerakan liberalisme ini mempunyai tahap kepercayaan dan amalan mereka terhadap pemikiran liberal. Skala pemikiran mereka ditentukan melalui pemerhatian dan temu bual yang dilaksanakan dalam tempoh kajian. Kajian mendapati gerakan ini mempunyai tiga skala yang menunjukkan tahap kepercayaan mereka kepada pemikiran liberal. Tahap tertinggi ialah tahap radikal. Mereka yang berada pada tahap ini beriman tentang liberalisme, menyebarkan dan memusuhi kelompok yang antiliberal. Mereka juga mempertahankan kebenaran liberalisme sebagai satu anutan yang membawa kepada kemajuan dan pemodenan. Manakala tahap sederhana ialah tahap yang keliru. Mereka mengetahui tentang liberalisme, tidak mempraktik Islam dengan baik, memandang serong kepada mereka yang anti liberal. Tahap paling rendah ialah taqlid atau ikut-ikutan sahaja. Pada tahap ini mereka mengetahui tentang liberal tetapi tidak memahaminya dengan baik. Mereka hanya mengikut arus yang ada tanpa mengetahui kesannya kepada akidah dan pegangan agama mereka. Mereka mengetahui tentang Islam, mempraktikkan sebahagian daripada tuntutan Islam dan tidak berniat menyebarkan liberalisme dan tidak memusuhi kelompok liberal tetapi tidak juga musuhi kelompok antiliberal.

#### *4.5 Propaganda Menarik Golongan Muda*

Gerakan liberalisme juga menyusun propaganda yang sistematik bagi menarik golongan muda mengikutinya dan berjuang mempertahankan liberalisme. Gerakan ini menunjukkan sikap terbuka dan

mesra anak muda sebagai satu teknik propaganda untuk menarik anak muda meluahkan perasaan dan pandangan mereka. Mereka juga mempromosikan kebebasan sebagai satu teknik propaganda. Mereka menggunakan isu kebebasan yang melibatkan anak muda seperti bebas daripada undang-undang negara dan mementingkan imej dalam setiap tingkah laku. Bagi mereka menunjukkan imej Islam yang baik lebih penting daripada melaksanakan hudud. Oleh sebab itu nilai-nilai baik lebih utama daripada agama, bahkan Islam perlu diterangkan dalam bentuk etika bukan syaria. Propaganda liberalisme juga dilaksanakan melalui teknik penganjuran seminar yang membuka minda anak muda dan kempen daftar ahli dalam seminar kemanusiaan. Bagi mengukuhkan agenda liberalisme, penganjur seminar akan mendalami pemikiran dalam karya tokoh-tokoh tertentu dan memanipulasinya supaya dilihat selari dengan agenda mereka. Malah mereka juga menyusun strategi penulisan bahan-bahan yang mempromosi liberal dalam media arus perdana. Gerakan liberal juga menggunakan kuasa tular dalam media sosial sebagai satu medium untuk menyebarkan fahaman dan pemikiran mereka. Malah mereka juga menubuhkan platform media untuk menyalurkan pemikiran liberal secara berterusan kepada masyarakat.

#### 4.6 Perkaderan Anak Muda

Gerakan liberal juga melatih anak-anak muda mengadaptasi pemikiran liberal melalui penganjuran seminar, bengkel, diskusi, pengagihan tugas, pendanaan, penerbitan, pendidikan dan pemantauan yang berterusan. Mereka turut menganjurkan seminar yang membuka minda dan menyediakan latihan wacana ilmiah daripada projek-projek dialog yang dianjurkan. Malah mereka menggunakan *facebook* untuk membuat jemputan secara terbuka bagi menghadiri seminar yang dianjurkan. Di samping itu, mereka juga menganjurkan bengkel untuk memberi latihan perkaderan yang intensif dan menjemput jurulatih liberalis daripada Barat dan NGO pro liberal. Kedutaan Amerika Syarikat pernah menjemput NGO Islam Malaysia untuk memberi taklimat dan mendanai aktiviti kemasyarakatan sebagai satu simbolik kerjasama dengan NGO Islam tersebut. Selain itu, diskusi juga menjadi medium perkaderan yang mana anak-anak muda dijemput untuk berdiskusi bersama Projek Dialog dalam suasana yang santai tentang karya-karya pemikir Barat. Anak-anak muda turut ditawarkan dengan tawaran-tawaran menarik seperti tawaran jawatan, mewakili NGO dalam seminar anjuran antarabangsa, menjadi *fellow* penulis dan tawaran menyambung pengajian di universiti dalam bidang berkaitan kepentingan sekali gus akan menjadi medium untuk berhubung dengan sarjana Barat yang terkemuka dan sealiran.

#### 4.7 Menjadi Proksi Barat di Malaysia

Gerakan liberalisme di Malaysia sebenarnya melaksanakan agenda Barat. Kajian menunjukkan beberapa pertubuhan liberal mendapat dana dan pembiayaan daripada Konsulat Barat dan *National Endowment for Democracy* (NED). Ini adalah sebuah badan swasta antarabangsa yang menyalurkan dana kepada pertubuhan bukan kerajaan di seluruh dunia bagi tujuan menjaga keutuhan demokrasi di negara-negara dunia. Setakat ini NED telah mengeluarkan lebih kurang 1,600 geran di seluruh dunia.

#### 4.8 Mewujudkan Lingkaran Sosial dalam Kalangan Pendukung Liberal

Hasil analisa dapatan kajian seterusnya menunjukkan belia mempunyai lingkaran sosial mereka tersendiri yang terdiri daripada kawan-kawan yang bersama dalam kaderisasi. Ikon belia yang berisiko liberal menjadi antara lingkaran sosial yang mempengaruhi cara berfikir dan penentuan sikap mereka terhadap isu-isu semasa terutama yang berkaitan dengan agama Islam. Pasangan hidup dan keluarga sedarah juga merupakan lingkaran sosial yang menyokong pemikiran yang sama. Latar belakang ibu bapa yang tidak kisah tentang penglibatan luar anak-anak juga mempengaruhi cara fikir dan daya tindak seseorang belia. Begitu juga lingkungan keluarga yang terlibat dalam politik Islam sehingga mengabaikan keprihatinan terhadap keluarga juga membina persepsi negatif kepada belia. Lingkaran sosial juga berlaku melalui jaringan antara pertubuhan-pertubuhan berpaksikan liberal. Penulisan artikel di media sosial dan media massa juga menambah jaringan dan lingkaran sosial tersebar

pemikiran liberal. Kritikan Majalah al-Islam menarik minat belia kepada golongan SIS yang mana mereka mengenali liberal melalui penulisan SIS dalam majalah dan akhbar arus perdana. Secara langsung media sosial dan media massa telah mempromosi pemikiran liberal SIS kepada masyarakat terutama golongan belia.

#### 4.9 Indoktrinasi Liberal secara Berterusan

Indoktrinasi merujuk kepada perbuatan menanamkan sesuatu doktrin seperti kefahaman dan ajaran ke dalam fikiran seseorang atau segolongan manusia. Proses ini sering berlaku dalam kehidupan seseorang sama ada melalui pembacaan, pengaruh keluarga dan persekitaran. Kajian menunjukkan belia berisiko menerima proses indoktrinasi melalui keluarga sedarah seperti pengaruh keluarga dan rakan sebaya. Umpamanya, kritikan berterusan ayah terhadap Islam berupaya mempengaruhi cara berfikir anaknya terhadap Islam. Tanpa panduan yang betul si anak akan terus terpengaruh dan memaksa orang lain menerima pandangan sebagai pandangan yang betul. Kumpulan belia ini juga mendapat indoktrinasi tentang liberal melalui pergaulan bersama moderat Muslim dan sarjana Islam yang dilihat menyokong agenda liberalisme daripada pelbagai latar belakang pendidikan.

Proses indoktrinasi juga berlaku melalui aktiviti kemanusiaan. Menurut kumpulan aktiviti kemasyarakatan khas akan diadakan untuk menarik minat dan kecenderungan kumpulan belia. Aktiviti yang dianjurkan ini berselindung di sebalik pelbagai agenda kemanusiaan. Selain itu indoktrinasi turut berlaku melalui pembacaan buku-buku, seminar, diskusi dan forum bersama tokoh-tokoh liberal dan kawan-kawan dan media sosial. Antara seminar dan diskusi yang dihadiri bagi mendapatkan kefahaman tentang liberal ialah *Public Forum on: "Is It Time to Look Beyond the Idea of Liberal Islam?",* Sinopsis Buku Tertutupnya Pemikiran Kaum Muslimin, *Reading Session on The Impossible State with Hazman Baharom, The Constitution and Morality – The Tale of Two Women, Public Forum on: The Future of Islam & Book Launch of: Golongan Muslim Pertama: Sejarah dan Memori.*

## 5.0 Penutup

Kesimpulannya, modus operandi gerakan liberalisme bagi mempengaruhi pemikiran masyarakat Islam berterusan dan tidak berhenti. Modus operandinya terus berkembang mengikut perkembangan zaman dan penerimaan masyarakat. Masyarakat Islam di Malaysia terdedah dengan cabaran dan serangan pemikiran yang semakin mencairkan identiti dan jati diri. Golongan belia antara yang berisiko dan mudah terpengaruh terutama mereka yang kurang mendapat penekanan kehidupan beragama di rumah dan sekolah. Oleh sebab itu, penghayatan hidup beragama yang terkandung dalamnya intipati akidah, syariah dan akhlak perlu ditekankan dalam pendidikan anak-anak agar ia menjadi perisai utama dalam mendepani ancaman liberalisme di Malaysia.

**Penghargaan:** Artikel ini ialah sebahagian daripada hasil kajian yang ditaja oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor melalui Geran Penyelidikan Inovasi KUIS/PB/2016/GPIK/GPP/001 dan geran penyelidikan Dana Cabaran Perdana UKM kod projek UKMDCP-2017-009/3.

## Rujukan

Ahmad Sanusi Azmi dan Norsaleha Mohd. Salleh. 2018. *Kajian orientalis dalam kerangka pemikiran Malaysia.* Kertas dibentangkan dalam Seminar PERTIWI pada 24 Nov 2018 di PWTC, Kuala Lumpur.

Ahmad Farouq Musa. 2014. Pengajaran yang tidak berkesudahan terhadap Negara Islam. Dlm. Ahmad Farouk Musa. *Wacana Pemikiran Reformis.* Jil II. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad.

- Angle Rabasa, Cherry Bernard, Lowell H. Schwartz dan Peter Sickle. (2007). *Building Muslim Moderate Network*.
- Angel Rabasa. 2007. New World Disorder Different Types of Ungoverned Territories Warrant Different Responses. *RAND Review*. Vol. 31. No. 3. Fall 2007. Page: 26-29.
- Ardyansyah Nugraha. 2015. Dokumen Rand Corporation sebuah design perang terencana melawan Islam. <https://ardiyansyah.com/2015/04/dokumen-rand-corporation-sebuah-desain.html>. (akses 20 Jan 2019).
- Interdisciplinary Research & International Strategy Institute (IRIS). 2017. *Mukaddimah Perjuangan Melayu*. Bandar Baru Bangi: IRIS Institute.
- Indriaty Ismail & Ahmad Mahyuddin Hassan. 2011. Ciri-ciri dan Asas-asas Utama Islam Liberal dalam Pergerakan Sisters In Islam. Kertas Kerja dibentangkan di *Seminar Kebangsaan Isu-isu Islam Liberal*. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 17 Februari.
- Lukman Hakim & Mohd Nasir Omar. 2011. Mengenal Pemikiran Islam Liberal. *Jurnal Substantia*. 14 (1): 179-198. Mohd. Fauzi Asmuni. 2018. *Kebebasan berfikir dan penyelewengan dalam sejarah Malaysia*. Kertas dibentangkan dalam Seminar Liberalisme dan Media Sosial. 15 Ogos 2018. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd. Fauzi Asmuni. (2018). *Kebebasan berfikir dan penyelewengan dalam sejarah Malaysia*. Kertas dibentangkan dalam Seminar Liberalisme dan Media Sosial. 15 Ogos 2018. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Rahimin Afandi Abd. Rahim, Muhd. Fakhruddin Abd. Mukti, Ruzman Mohd. Nor. 2010. *Pemodenan dan kesejahteraan manusia dari perspektif orientalism*. Laporan daripada kajian awal Projek UMGR (RG035/09HNE). (Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya 2010), 1-18.
- Wan Adli Wan Ramli. 2012. *Bahaya liberalisme dan pluralisme agama terhadap akidah belia muslim*. Johor Bahru: Master Gift Sdn. Bhd.